JUZU' KE-26
SURAH
QAF

SURAH KE

50

سُورَةُ ق

SURAH QAF

Surah Qaf

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

45

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

قٓ وَالْقُرْءَانِ الْمَجِيدِ ﴿١﴾

بَلْ عَجِبُوٓا أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ فَقَالَ الْكَٰفِرُونَ هَٰذَا شَىْءٌ عَجِيبٌ ﴿٢﴾

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ذَٰلِكَ رَجْعٌۢ بَعِيدٌ ﴿٣﴾

قَدْ عَلِمْنَا مَا تَنقُصُ الْأَرْضُ مِنْهُمْ وَعِندَنَا كِتَٰبٌ حَفِيظٌۢ ﴿٤﴾

بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ فَهُمْ فِىٓ أَمْرٍ مَّرِيجٍ ﴿٥﴾

أَفَلَمْ يَنظُرُوٓا إِلَى السَّمَآءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَٰهَا وَزَيَّنَّٰهَا وَمَا لَهَا مِن فُرُوجٍ ﴿٦﴾

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَٰهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ﴿٧﴾

تَبْصِرَةً وَذِكْرَىٰ لِكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٨﴾

وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَآءِ مَآءً مُّبَٰرَكًا فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ جَنَّٰتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ ﴿٩﴾

"Qaf. Demi Al-Qur'an yang amat mulia(1). Bahkan mereka merasa hairan kerana mereka telah didatangi seorang Rasul yang memberi amaran dari kalangan mereka sendiri, lalu orang-orang kafir berkata: Ini adalah satu perkara yang aneh(2). Apakah kita (akan kembali hidup semula) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah satu perkembalian yang amat jauh (mustahil)(3). Sesungguhnya Kami mengetahui segala (bahagian badan mereka) yang dihancurkan bumi, dan pada Kami tersimpan buku catatan yang rapi(4). Bahkan mereka telah mendustakan agama yang benar setelah tibanya kepada mereka, kerana itu mereka berada dalam keadaan morat-marit(5). Tidakkah mereka memperhatikan langit di atas mereka, bagaimana Kami membina dan menghiaskannya dan tiada padanya sebarang retak dan pecah-belah?(6). Dan bumi Kami hamparkannya, dan Kami pacakkan padanya gunung-ganang yang teguh, dan Kami tumbuhkan di atasnya segala jenis tanaman yang indah pemandangannya(7). Untuk menjadi pengajaran dan peringatan kepada setiap hamba yang kembali kepada Allah(8). Dan Kami turunkan dari langit air hujan yang berkat, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun (pokok buah-buahan) dan pokok bijian yang dituai."(9).

وَالنَّخْلَ بَاسِقَٰتٍ لَّهَا طَلْعٌ نَّضِيدٌ ﴿١٠﴾

رِّزْقًا لِّلْعِبَادِ وَأَحْيَيْنَا بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا كَذَٰلِكَ الْخُرُوجُ ﴿١١﴾

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَأَصْحَٰبُ الرَّسِّ وَثَمُودُ ﴿١٢﴾

وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ وَإِخْوَٰنُ لُوطٍ ﴿١٣﴾

وَأَصْحَٰبُ الْأَيْكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ كُلٌّ كَذَّبَ الرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

أَفَعَيِينَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ بَلْ هُمْ فِى لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٥﴾

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

إِذْ يَتَلَقَّى الْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدٌ ﴿١٧﴾

مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

"Serta pokok tamar yang tinggi dan bermayang berlapis-lapisan(10). Untuk menjadi rezeki kepada hamba-hamba (Kami) dan dengannya Kami hidupkan bumi yang mati. Begitulah juga caranya manusia dikeluarkan (kelak dari kubur)(11). Sebelum mereka, kaum Nuh dan penduduk ar-Rass juga kaum Thamud telah mendustakan Rasul (mereka masing-masing)(12). Juga kaum 'Ad, Fir'aun dan saudara-saudara Lut(13). Juga penduduk al-Aykah, kaum Tubba', seluruh mereka telah mendustakan para rasul. Kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu(14). Apakah Kami lemah mengadakan penciptaan yang pertama, bahkan sebenarnya mereka berada di dalam kekeliruan terhadap penciptaan semula yang baru?(15). Sesungguhnya Kamilah yang telah menciptakan manusia dan Kami memang mengetahui segala apa yang dibisikkan

hatinya. Dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri(16). Ketika dua orang malaikat mencatat amalan dan perkataan-perkataannya, seorang duduk di sebelah kanannya dan seorang lagi di sebelah kirinya(17). Tiada satu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang mengawasi (perkataan-perkataannya) dan sentiasa hadir bersamanya."(18).

وَجَآءَتۡ سَكۡرَةُ ٱلۡمَوۡتِ بِٱلۡحَقِّۖ ذَٰلِكَ مَا كُنتَ مِنۡهُ تَحِيدُ ١٩
وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِۚ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلۡوَعِيدِ ٢٠
وَجَآءَتۡ كُلُّ نَفۡسٖ مَّعَهَا سَآئِقٞ وَشَهِيدٞ ٢١
لَّقَدۡ كُنتَ فِي غَفۡلَةٖ مِّنۡ هَٰذَا فَكَشَفۡنَا عَنكَ غِطَآءَكَ
فَبَصَرُكَ ٱلۡيَوۡمَ حَدِيدٞ ٢٢
وَقَالَ قَرِينُهُۥ هَٰذَا مَا لَدَيَّ عَتِيدٌ ٢٣
أَلۡقِيَا فِي جَهَنَّمَ كُلَّ كَفَّارٍ عَنِيدٖ ٢٤
مَّنَّاعٖ لِّلۡخَيۡرِ مُعۡتَدٖ مُّرِيبٍ ٢٥
ٱلَّذِي جَعَلَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَأَلۡقِيَاهُ فِي ٱلۡعَذَابِ ٱلشَّدِيدِ ٢٦
قَالَ قَرِينُهُۥ رَبَّنَا مَآ أَطۡغَيۡتُهُۥ وَلَٰكِن كَانَ فِي ضَلَٰلِۭ بَعِيدٖ ٢٧

"Dan Sakratul-maut datang membawa kebenaran. Itulah kesudahan yang engkau mahu mengelakkan diri darinya(19). Dan sangkakala ditiupkan. Itulah Hari Balasan yang dijanjikan(20). Dan setiap orang datang diiringi malaikat pemandu dan malaikat penyaksi(21). Sesungguhnya engkau berada dalam kelalaian terhadap hari Qiamat ini, lalu Kami bukakan hijab yang melindungi engkau, maka kerana itu pandanganmu pada hari ini menjadi amat tajam (jelas)(22). Dan berkatalah malaikat pengiringnya, inilah orang yang diawasiku telah sedia hadir(23). Campakklah (wahai malaikat pemandu dan malaikat penyaksi) setiap orang kafir yang degil(24). Penghalang kebajikan dan pelampau yang meragui kebenaran(25). Yang mengadakan sembahan yang lain bersama Allah. Campakkannya (wahai kamu berdua) ke dalam 'azab yang amat dahsyat(26). Berkatalah pengiringnya: Wahai Tuhan kami! Saya tidak menyesatkannya tetapi dia sendiri sememangnya telah berada di dalam kesesatan yang amat jauh."(27).

قَالَ لَا تَخۡتَصِمُواْ لَدَيَّ وَقَدۡ قَدَّمۡتُ إِلَيۡكُم بِٱلۡوَعِيدِ ٢٨
مَا يُبَدَّلُ ٱلۡقَوۡلُ لَدَيَّ وَمَآ أَنَا۠ بِظَلَّٰمٖ لِّلۡعَبِيدِ ٢٩
يَوۡمَ نَقُولُ لِجَهَنَّمَ هَلِ ٱمۡتَلَأۡتِ وَتَقُولُ هَلۡ مِن مَّزِيدٖ ٣٠
وَأُزۡلِفَتِ ٱلۡجَنَّةُ لِلۡمُتَّقِينَ غَيۡرَ بَعِيدٍ ٣١

هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٖ ٣٢
مَّنۡ خَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ بِٱلۡغَيۡبِ وَجَآءَ بِقَلۡبٖ مُّنِيبٍ ٣٣
ٱدۡخُلُوهَا بِسَلَٰمٖۖ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلۡخُلُودِ ٣٤
لَهُم مَّا يَشَآءُونَ فِيهَا وَلَدَيۡنَا مَزِيدٞ ٣٥
وَكَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّن قَرۡنٍ هُمۡ أَشَدُّ مِنۡهُم بَطۡشٗا
فَنَقَّبُواْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ هَلۡ مِن مَّحِيصٍ ٣٦

"Allah berfirman: Janganlah kamu bertengkar di hadapan-Ku, kerana Aku telah pun memberi amaran kepada kamu(28). Keputusan-Ku tidak berubah dan Aku tidak sekali-kali menganiayai hamba-hamba-Ku(29). (Ingatlah) pada hari Kami bertanya Neraka: Adakah engkau sudah penuh? Jawab Neraka: Adakah lagi tambahan?(30). Dan didekatkan Syurga kepada para Muttaqin yang tidak jauh dari mereka(31). Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu, iaitu kepada setiap orang yang kembali kepada Allah dan memeliharakan peraturan-peraturan-Nya(32). Iaitu orang yang takut kepada Allah Yang Maha Penyayang walaupun dia tidak melihat-Nya dan dia datang dengan hati yang ta'at dan bertaubat(33). Silalah kamu sekalian masuk ke dalamnya (Syurga) dengan aman sejahtera itulah hari kehidupan yang kekal abadi(34). Mereka mendapat apa sahaja yang dikehendaki mereka dan di sisi Kami ada lagi tambahannya(35). Dan berapa banyak kaum sebelum mereka (Musyrikin Makkah) yang telah Kami binasakannya, sedangkan kaum-kaum itu lebih kuat dari mereka, lalu mereka menjelajah di segenap negeri, tetapi apakah mereka mendapat tempat perlindungan (dari 'azab Allah)?"(36)

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكۡرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلۡبٌ أَوۡ أَلۡقَى
ٱلسَّمۡعَ وَهُوَ شَهِيدٞ ٣٧
وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا فِي
سِتَّةِ أَيَّامٖ وَمَا مَسَّنَا مِن لُّغُوبٖ ٣٨
فَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ قَبۡلَ
طُلُوعِ ٱلشَّمۡسِ وَقَبۡلَ ٱلۡغُرُوبِ ٣٩
وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَسَبِّحۡهُ وَأَدۡبَٰرَ ٱلسُّجُودِ ٤٠
وَٱسۡتَمِعۡ يَوۡمَ يُنَادِ ٱلۡمُنَادِ مِن مَّكَانٖ قَرِيبٖ ٤١
يَوۡمَ يَسۡمَعُونَ ٱلصَّيۡحَةَ بِٱلۡحَقِّۚ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلۡخُرُوجِ ٤٢
إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِۦ وَنُمِيتُ وَإِلَيۡنَا ٱلۡمَصِيرُ ٤٣

يَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ۚ ذَٰلِكَ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِيرٌ ﴿٤٤﴾

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِجَبَّارٍ ۖ فَذَكِّرْ بِٱلْقُرْءَانِ مَن يَخَافُ وَعِيدِ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu menjadi peringatan kepada orang-orang yang mempunyai hati (yang sedar) atau memberi pendengarannya (kepada kisah-kisah ini) dan dia sendiri menyaksi(37). Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan langit dan bumi dan segala kejadian di antara keduanya dan Kami tidak sekali-kali disentuh sebarang kepenatan(38). Oleh itu, sabarlah terhadap perkataan-perkataan yang dikatakan mereka dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya(39). Dan bertasbihlah pada waktu malam dan selepas selesai sembahyang(40). Dan dengarlah (wahai Muhammad) suara seruan pada hari (malaikat Israfil) mengisytiharkan (Hari Mahsyar) dari suatu tempat yang dekat(41). Iaitu pada hari mereka akan mendengar pekikan kebangkitan yang membawa kebenaran. Itulah hari keluar dari kubur(42). Sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada Kamilah tempat kembali(43). Pada hari bumi terbelah mengeluarkan mereka dengan segera. Itulah pengumpulan yang amat mudah kepada Kami(44). Kami lebih mengetahui segala apa yang dikatakan mereka. Dan engkau bukanlah seorang yang perkasa yang dapat memaksakan mereka. Oleh itu berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada siapa yang takut kepada amaran-Ku"(45).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Rasulullah s.a.w. berkhutbah dengan surah ini pada hari raya dan hari jumaat. Beliau jadikan surah ini sebagai maudhu' khutbahnya dan bahan pembicaraannya di dalam perhimpunan-perhimpunan yang besar. Ia adalah satu surah yang mempunyai persoalan-persoalan yang penting.

Surah ini merupakan satu surah yang amat menggerunkan. Hakikat-hakikat yang dibicarakannya memberi kesan yang amat kuat. Ungkapan-ungkapannya juga amat kuat. Gambaran-gambaran, bayangan-bayangan dan nada-nada akhir ceraian katanya mempengaruhi jiwa manusia. Ia mengikuti fikiran-fikiran dan harakat mereka, mengikuti lahir dan batin mereka. Ia mengikut jejak mereka dengan pengawasan Allah yang tidak mengabaikan mereka walau sedikit pun sejak dari masa lahir hingga kepada masa mati, masa dibangkitkan dari kubur, masa dikumpulkan di Mahsyar dan akhirnya hingga ke masa Hisab. Itulah pengawasan yang amat ketat dan menakutkan yang dilakukan ke atas makhluk insan yang lemah. Mereka berada dalam genggaman pengawasan Ilahi yang tidak pernah mengabaikan gerak-geri mereka sama ada besar atau kecil dan tidak pernah berpisah dari mereka. Setiap nafas mereka dihitung, setiap pemikiran mereka dicatat, setiap kata-kata mereka ditulis dan setiap harakat mereka dihisab. Pengawasan yang ketat dikenakan di atas segala bisikan hati mereka dan di atas setiap harakat anggota mereka. Tiada dinding dan tiada tabir yang dapat menghalangkan pengawasan yang menembusi segala-galanya itu, iaitu pengawasan yang mengetahui segala rahsia dan segala bisikan mereka dan mengetahui segala tindakan dan harakat mereka di setiap waktu dan keadaan.

Semua hakikat ini merupakan hakikat-hakikat yang telah sedia dimaklumi, tetapi ia dibentangkan dengan uslub yang membuat hakikat-hakikat itu kelihatan seolah-olah hakikat-hakikat yang baru yang menarik dan memeranjatkan seseorang. Ia diterangkan dengan gaya yang menggoncangkan hati dan menimbulkan rasa takut di samping rasa kagum dan rasa terperanjat setelah sedar dari kelalaian terhadap hakikat yang menggerunkan itu.

Selain dari itu surah ini menayangkan juga gambaran-gambaran hidup, gambaran-gambaran mati, gambaran-gambaran reput dan hancur, gambaran-gambaran kebangkitan dari kubur, gambaran-gambaran perhimpunan di Mahsyar, gambaran tanda-tanda Qiamat yang dirasakan dalam hati, juga menayangkan hakikat-hakikat alam buana dalam bentuk kejadian langit, bumi, air, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan mayang:

تَبْصِرَةً وَذِكْرَىٰ لِكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٨﴾

"Untuk menjadi pengajaran dan peringatan kepada setiap hamba yang kembali kepada Allah."(8)

Surah ini amat sukar disaring, diulas, dihuraikan hakikat-hakikatnya, diterangkan konsep-konsepnya dan dijelaskan gambaran-gambaran dan bayangan-bayangannya dengan uslub dan ungkapan yang berlainan dari uslub dan ungkapan Al-Qur'an yang telah menggambarkannya, iaitu ungkapan yang secara langsung dapat memancarkan hakikat-hakikat, konsep-konsep, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan itu ke dalam hati manusia.

Marilah kita tayangkan surah ini sendiri Wallahul-Musta'anu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 15)

قٓ ۚ وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْمَجِيدِ ﴿١﴾

بَلْ عَجِبُوٓا۟ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ فَقَالَ ٱلْكَـٰفِرُونَ هَـٰذَا شَىْءٌ عَجِيبٌ ﴿٢﴾

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ۖ ذَٰلِكَ رَجْعٌۢ بَعِيدٌ ﴿٣﴾

قَدْ عَلِمْنَا مَا تَنقُصُ ٱلْأَرْضُ مِنْهُمْ ۖ وَعِندَنَا كِتَـٰبٌ حَفِيظٌۢ ﴿٤﴾

بَلْ كَذَّبُوا۟ بِٱلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ فَهُمْ فِىٓ أَمْرٍ مَّرِيجٍ ﴿٥﴾

أَفَلَمْ يَنظُرُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَٰهَا وَزَيَّنَّٰهَا وَمَا لَهَا مِن فُرُوجٍ ٦

وَٱلْأَرْضَ مَدَدْنَٰهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ٧

تَبْصِرَةً وَذِكْرَىٰ لِكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ٨

"Qaf. Demi Al-Qur'an yang amat mulia(1). Bahkan mereka merasa hairan kerana mereka telah didatangi seorang Rasul yang memberi amaran dari kalangan mereka sendiri, lalu orang-orang kafir berkata: Ini adalah satu perkara yang aneh(2). Apakah kita (akan kembali hidup semula) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah satu perkembalian yang amat jauh (mustahil)(3). Sesungguhnya Kami mengetahui segala (bahagian badan mereka) yang dihancurkan bumi, dan pada Kami tersimpan buku catatan yang rapi(4). Bahkan mereka telah mendustakan agama yang benar setelah tibanya kepada mereka, kerana itu mereka berada dalam keadaan morat-marit(5). Tidakkah mereka memperhatikan langit di atas mereka, bagaimana Kami membina dan menghiaskannya dan tiada padanya sebarang retak dan pecah-belah(6). Dan bumi Kami hamparkannya, dan Kami pacakkan padanya gunung-ganang yang teguh, dan Kami tumbuhkan di atasnya segala jenis tanaman yang indah pemandangannya(7). Untuk menjadi pengajaran dan peringatan kepada setiap hamba yang kembali kepada Allah."(8)

وَنَزَّلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً مُّبَٰرَكًا فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ جَنَّٰتٍ وَحَبَّ ٱلْحَصِيدِ ٩

وَٱلنَّخْلَ بَاسِقَٰتٍ لَّهَا طَلْعٌ نَّضِيدٌ ١٠

رِّزْقًا لِّلْعِبَادِ ۖ وَأَحْيَيْنَا بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا ۚ كَذَٰلِكَ ٱلْخُرُوجُ ١١

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَأَصْحَٰبُ ٱلرَّسِّ وَثَمُودُ ١٢

وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ وَإِخْوَٰنُ لُوطٍ ١٣

وَأَصْحَٰبُ ٱلْأَيْكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ ۚ كُلٌّ كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ ١٤

أَفَعَيِينَا بِٱلْخَلْقِ ٱلْأَوَّلِ ۚ بَلْ هُمْ فِى لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ١٥

"Dan Kami turunkan dari langit air hujan yang berkat, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun (pokok buah-buahan) dan pokok bijian yang dituai(9). Serta pokok tamar yang tinggi dan bermayang berlapis-lapisan(10). Untuk menjadi rezeki kepada hamba-hamba (Kami), dan dengannya Kami hidupkan bumi yang mati. Begitulah juga caranya manusia dikeluarkan (kelak dari kubur)(11). Sebelum mereka, kaum Nuh dan penduduk ar-Rass juga kaum Thamud telah mendustakan Rasul (mereka masing-masing)(12). Juga kaum 'Ad, Fir'aun dan saudara-saudara Lut(13). Juga penduduk al-Aykah, kaum Tubba', seluruh mereka telah mendustakan para rasul. Kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu(14). Apakah Kami lemah mengadakan penciptaan yang pertama, bahkan sebenarnya mereka berada di dalam kekeliruan terhadap penciptaan semula yang baru?"(15)

Inilah bahagian pertama surah ini. Ia memperkatakan persoalan kebangkitan selepas mati yang diingkar dan ditakjubkan kaum Musyrikin. Tetapi Al-Qur'an tidak menghadapi keingkaran mereka sahaja isu ini, malah ia lebih dahulu menghadapi hati mereka yang menyeleweng untuk mengembalikannya ke jalan yang benar dan membetulkan penyelewengannya. Al-Qur'an lebih dahulu berusaha menyedarkan hati yang sesat itu supaya membuka matanya melihat hakikat-hakikat yang agung di tengah-tengah alam al-wujud ini, kerana itu Al-Qur'an tidak terus melibatkan dirinya dalam perdebatan mental dengan mereka untuk membuktikan kebenaran persoalan kebangkitan selepas mati itu, malah ia lebih dahulu menghidupkan hati mereka supaya berfikir dengan teliti. Ia menyentuh perasaan mereka supaya terpengaruh kepada hakikat-hakikat yang wujud di sekeliling mereka dan memberi sambutan kepadanya. Ia adalah satu pelajaran yang patut diambil oleh orang-orang yang mahu mengubati hati manusia.

Surah ini dimulakan dengan sumpah, iaitu bersumpah dengan huruf Qaf dan dengan Al-Qur'an yang mulia yang digubahkan dengan huruf-huruf yang seperti Qaf, malah huruf Qaf merupakan huruf yang pertama dari perkataan "قرآن".

قٓ ۚ وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْمَجِيدِ ١

"Qaf. Demi Al-Qur'an yang amat mulia."(1)

Ia tidak menyebut inti sumpah itu. Ia hanya bersumpah sahaja pada permulaan kalam ini menyarankan supaya diambil perhatian yang berat bahawa perkara yang akan dibicarakan itu adalah suatu perkara yang amat penting. Allah telah memulakan penerangannya dengan sumpah dan ini menunjukkan bahawa apa yang akan diterangkannya itu adalah perkara yang amat besar. Barangkali inilah yang dimaksudkan dengan kata permulaan ini, kerana ia beralih selepas sumpah itu dari inti sumpah (بَلْ) dengan kata-kata "**bahkan**" setelah sumpah itu berjaya menimbulkan kesan di dalam hati dengan tujuan untuk memulakan cerita kehairanan dan keingkaran kaum Musyrikin terhadap persoalan kebangkitan selepas mati yang telah diterangkan oleh Rasul mereka di dalam Al-Qur'anul Majid:

بَلْ عَجِبُوٓا۟ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ فَقَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ هَٰذَا شَىْءٌ عَجِيبٌ ٢

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ۖ ذَٰلِكَ رَجْعٌ بَعِيدٌ ﴿٣﴾

"Bahkan mereka merasa hairan kerana mereka telah didatangi seorang Rasul yang memberi amaran dari kalangan mereka sendiri, lalu orang-orang kafir berkata: Ini adalah satu perkara yang aneh(2). Apakah kita (akan kembali hidup semula) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah satu perkembalian yang amat jauh (mustahil)."(3)

Isu-isu Kerasulan Dan Kebangkitan Selepas Mati Menjadi Titik Kemusykilan Manusia

Bahkan mereka merasa hairan dan pelik kerana datangnya kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri memberi amaran kepada mereka, sedangkan perkara ini bukanlah suatu perkara yang aneh dan pelik, malah ia adalah satu perkara biasa yang dapat diterima dengan mudah oleh fitrah manusia yang sihat. Memang suatu perkara biasa apabila Allah memilih seorang Rasul dari kalangan manusia itu sendiri, iaitu seorang yang berperasaan seperti mereka, bercakap dengan bahasa mereka dan turut serta di dalam kehidupan dan kegiatan mereka, seorang yang memahami kehendak-kehendak dan keinginan-keinginan mereka, mengetahui daya upaya dan kesanggupan mereka. Orang yang seperti inilah dijadikan Rasul dan dihantarkan kepada mereka untuk memberi amaran kepada mereka terhadap akibat-akibat buruk yang akan menimpa mereka jika mereka terus dengan sikap mereka yang salah itu, juga untuk mengajar mereka mencari haluan hidup yang betul dan menyampaikan kepada mereka tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang diperlukan oleh haluan hidup yang baru itu. Dialah orang yang pertama memikul tugas-tugas itu bersama mereka.

Mereka berasa pelik terhadap kerasulan itu sendiri dan khususnya merasa pelik terhadap perkara kebangkitan selepas mati yang telah diterangkan awal-awal lagi kepada mereka oleh Rasul itu. Perkara kebangkitan semula itu merupakan tapak asasi 'aqidah Islam. Seseorang Muslim adalah dituntut berdiri tegak di atas kebenaran untuk menolak kebatilan. Ia dituntut melaksanakan kebaikan untuk menghapuskan kejahatan dan ia dituntut menjadikan seluruh kegiatan hidupnya di bumi ini sebagai ibadat kepada Allah dengan menumpukan seluruh kegiatan itu semata-mata ikhlas kerana Allah. Amalan-amalan ini pastilah diberikan balasannya, tetapi balasan itu terkadang-kadang tidak dapat disempurnakan di dunia ini, lalu ditangguhkan kepada hisab terakhir selepas berakhirnya hidup di dunia ini. Oleh itu di sana pastilah ada sebuah alam yang lain dan pastilah ada kebangkitan selepas mati untuk menghadapi hisab alam Akhirat. Apabila tapak 'aqidah hari Akhirat itu runtuh di dalam jiwa manusia, maka akan runtuhlah bersamanya segala konsep hakikat 'aqidah Islam dan tugas-tugasnya dan dia tidak dapat lagi berjalan lurus dan jujur di atas jalan Islam buat selama-lamanya.

Tetapi kaum Musyrikin tidak pernah memandang persoalan kebangkitan selepas mati itu dari sudut pandangan ini, malah mereka hanya memandang persoalan ini dari satu sudut pandangan yang lain yang amat bersahaja, iaitu satu sudut pandangan yang amat jauh dari memahami hakikat hidup dan mati dan dari memahami mana-mana bahagian hakikat qudrat Allah. Mereka berkata:

"Apakah kita (akan kembali hidup semula) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Ini adalah satu perkembalian yang amat jauh (mustahil)."(3)

Yang menjadi persoalan dalam pandangan mereka ialah persoalan jauhnya kemungkinan hidup semula selepas mati dan selepas hancur lebur menjadi tanah. Ini adalah satu pandangan yang bersahaja sebagaimana telah kami tegaskan tadi, kerana mukjizat hidup yang telah berlaku sekali itu mungkin pula berlaku sekali lagi, malah mukjizat hidup ini berlaku di hadapan mereka setiap detik di merata pelosok alam. Inilah sudut pandangan yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an untuk membawa mereka kepadanya di dalam surah ini.

Tetapi sebelum kita memperkatakan sentuhan-sentuhan Al-Qur'an yang lain mengenai kejadian-kejadian alam dalam pameran hidup, eloklah kita berhenti sejenak memperkatakan tentang persoalan kereputan dan kehancuran badan menjadi tanah yang terdapat dalam perkataan mereka:

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ۖ

"Apakah kita (akan kembali hidup semula) sesudah kita mati dan menjadi tanah?"(3)

Jadi, setiap manusia yang mati akan hancur menjadi tanah. Setiap orang yang membaca petikan perkataan kaum Musyrikin ini akan terus melihat dirinya sendiri dan melihat orang-orang yang hidup di sekelilingnya untuk memahami erti mati dan erti kehancuran menjadi tanah itu, malah ia akan merasa proses kehancuran itu menanti di dalam jasad mereka, sedangkan mereka masih lagi hidup di atas bumi ini. Memang maut itu amat menggoncangkan hati orang yang hidup dan memang kehancuran menjadi tanah itu amat menakut dan menggentarkannya.

Ulasan ayat berikut mendalam dan menguatkan lagi kesan sentuhan ini apabila Al-Qur'an menggambarkan bagaimana bumi memakan dan menghancurkan jasad orang-orang yang mati itu sedikit demi sedikit:

قَدْ عَلِمْنَا مَا تَنقُصُ الْأَرْضُ مِنْهُمْ ۖ وَعِندَنَا كِتَابٌ حَفِيظٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami mengetahui segala (bahagian badan mereka) yang dihancurkan bumi dan pada Kami tersimpan buku catatan yang rapi."(4)

Ungkapan ini seolah-olah menggambarkan harakat bumi dalam bentuk fizikal yang hidup sedang

menghancurkan jasad-jasad manusia yang mati yang ditanamkan di dalam perutnya. Ia memakan jasad itu perlahan-lahan kemudian terus reput dan hancur. Kemudian Al-Qur'an mengulas bahawa Allah mengetahui segala bahagian jasad mereka yang dimakan bumi. Semuanya dicatat di dalam sebuah buku yang rapi. Mereka tidak akan hilang begitu sahaja apabila mereka mati dan hancur menjadi tanah. Adapun persoalan memulangkan hayat kepada jasad yang hancur menjadi tanah itu, maka perkara ini telah pun berlaku sebelum ini, malah sedang berlaku di sekeliling mereka dalam proses penciptaan hayat yang silih berganti dan tidak pernah putus itu.

Demikianlah Al-Qur'an membuat sentuhan-sentuhan yang menghancur dan melembutkan hati mereka. Sentuhan-sentuhan itu telah membuat hati mereka menjadi peka dan siap-sedia untuk memberi sambutan yang baik. Al-Qur'an membuat sentuhan-sentuhan ini sebelum ia memperkatakan persoalan kebangkitan itu sendiri.

Akibat Meninggalkan Ajaran Yang Besar

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka yang sebenar yang mendorongkan mereka membuat bantahan-bantahan yang lemah itu, iaitu mereka sebenarnya telah meninggalkan agama yang benar dan teguh, kerana itulah bumi tempat mereka berpijak sentiasa bergoyang dan mereka tidak dapat lagi berdiri tetap buat selama-lamanya:

بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَهُمْ فِي أَمْرٍ مَّرِيجٍ ﴿٥﴾

"Bahkan mereka telah mendustakan agama yang benar setelah tibanya kepada mereka, kerana itu mereka berada dalam keadaan morat-marit."(5)

Ini adalah satu ungkapan yang unik yang menggambarkan keadaan orang yang berpisah dari agama yang benar dan teguh dan akibatnya mereka sentiasa berada di dalam keadaan yang goyah dan tidak tetap.

Agama yang benar merupakan titik tegak bagi seorang yang beriman dengannya. Dua kakinya terpacak teguh tidak bergoyang dan seluruh langkahnya tetap, kerana bumi tempat ia berpijak adalah teguh dan kukuh, tidak bergoncang, tidak runtuh dan tidak terperlus. Dan segala agama yang lain dari agama yang benar yang ada di sekelilingnya adalah bergoncang dan goyah belaka, tidak pernah teguh dan tetap, tidak pernah kukuh dan tahan. Oleh sebab itu setiap orang yang melewati titik agama yang benar akan bergelincir kakinya dan akan terjerumus dalam keadaan yang goyang dan akan kehilangan kemantapan dan ketenteraman. Ia selama-lamanya berada dalam keadaan morat-marit tidak menentu dan mantap dalam satu keadaan.

Sesiapa yang berpisah dari agama yang benar akan dilontarkan angin ke sana ke mari, akan diumbang-ambingkan oleh berbagai-bagai fikiran dan akan dikoyak-koyakkan oleh berbagai-bagai keraguan dan kesangsiannya. Segala usahanya goyang di sana sini dan pendiriannya tidak menentu sekali ke kanan dan sekali ke kiri. Ia tidak dapat berlindung dari kebingungannya di tempat yang aman. Ia sentiasa berada di dalam keadaan yang terumbang-ambing.

Ini adalah satu ungkapan yang amat menarik. Ia menggambarkan perasaan-perasaan di dalam hati itu seolah-olah harakat yang dapat dilihat dengan mata.

Sesuai dengan penerangan tentang agama yang benar, teguh, kukuh dan tinggi, sesuai dengan tujuan membincangkan bantahan mereka terhadap kebangkitan semula itu, Al-Qur'an mengemukakan setengah-setengah fenomena kebenaran yang wujud di dalam binaan alam ini. Ia menarik pandangan mereka kepada kejadian langit bumi, gunung-ganang yang teguh, air hujan yang turun dari langit, pokok tamar yang tinggi, kebun-kebun dan tumbuh-tumbuhan dengan ungkapan yang sesuai dengan sifat agama yang benar yang tetap teguh dan indah itu.

أَفَلَمْ يَنظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا
وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِن فُرُوجٍ ﴿٦﴾

"Tidakkah mereka memperhatikan langit di atas mereka, bagaimana Kami membina dan menghiaskannya dan tiada padanya sebarang retak dan pecah-belah?"(6)

Langit merupakan satu lembaran dari kitab alam buana yang memperkatakan kebenaran yang ditinggalkan oleh kaum Musyrikin. Apakah mereka tidak melihat kepada kegagahan, kemantapan dan keteguhan yang terdapat pada kejadian langit ini? Juga melihat kepada keindahannya yang bersih dari segala cacat cela dan kacau-bilau. Keteguhan, kesempurnaan dan keindahan merupakan sifat-sifat langit yang selaras dengan sifat-sifat agama yang benar, teguh, sempurna dan indah. Oleh sebab itu langit disifatkan sebagai satu binaan yang teguh, indah dan suci dari sebarang retak, pecah belah dan berlubang-lubang.

Bumi juga merupakan satu lembaran dari kitab alam buana yang tegak di atas kebenaran yang kukuh, indah dan cantik pemandangannya:

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنبَتْنَا فِيهَا
مِن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٧﴾

"Dan bumi Kami hamparkannya, dan Kami pacakkan padanya gunung-ganang yang teguh, dan Kami tumbuhkan di atasnya segala jenis tanaman yang indah pemandangannya."(7)

Bumi yang terhampar luas saujana, gunung-gunung yang terpacak kukuh dan tumbuh-tumbuhan yang indah juga menggambarkan sifat-sifat keteguhan,

kemantapan dan keindahan di mana pandangan manusia di arah supaya melihatnya di langit.

Di hadapan pemandangan langit yang dibina begitu tinggi dan indah dan pemandangan bumi yang terhampar begitu luas, teguh dan permai, Al-Qur'an menyentuh dan mengarah hati mereka supaya menyedari sebahagian dari hikmat ciptaan dan pembentangan lembaran-lembaran kejadian alam buana:

تَبۡصِرَةٗ وَذِكۡرَىٰ لِكُلِّ عَبۡدٖ مُّنِيبٖ ٨

"Untuk menjadi pengajaran dan peringatan kepada setiap hamba yang kembali kepada Allah."(8)

Iaitu pengajaran yang menghapuskan segala hijab, menerangi dan membuka mata hati dan menghubungkan jiwa manusia dengan alam buana yang menakjubkan ini dan dengan keindahan ciptaan, kebijaksanaan dan pentadbiran Ilahi yang teratur rapi di sebalik kejadian alam buana itu, pengajaran yang berguna kepada setiap hamba yang sentiasa pulang kepada Allah dalam waktu yang dekat.

Methodologi Penyelidikan Ilmiyah Yang Salah

Inilah hubungan di antara hati insan dengan nada-nada alam buana yang besar dan indah. Inilah hubungan yang mencetuskan kesan di dalam hati insan apabila mereka merenungi langit dan mengenalinya dari dekat, malah inilah hubungan yang memberi nilai dalam hidup insan. Inilah hubungan yang diadakan Al-Qur'an di antara ilmu pengetahuan dengan insan yang tahu dan mengetahui. Inilah hubungan yang diabaikan dalam methodologi penyelidikan ilmiyah di zaman ini, yang telah memutuskan hubungan yang diikatkan Allah di antara manusia dengan alam hidup mereka, sedangkan manusia merupakan sebahagian dari alam yang tidak boleh hidup dengan baik melainkan apabila degup jantung mereka sama dengan degup jantung alam ini, dan melainkan apabila adanya hubungan yang rapat di antara hati insan dengan nada-nada alam buana yang besar ini. Setiap ilmu pengetahuan mengenai mana-mana bintang dan mana-mana jirim di langit atau mengenai mana-mana ciri tumbuhan dan haiwan atau mengenai mana-mana ciri alam buana secara umumnya termasuk alam-alam kejadian kehidupan atau alam-alam kejadian bekuan. andainya di sana ada alam-alam kejadian bekuan atau satu kejadian yang beku di alam buana ini - semua ilmu pengetahuan ilmiyah ini pastilah berubah kepada nada-nada yang menyerap ke dalam hati insan, berubah kepada perasaan kasih dan mesra terhadap alam buana ini dan seterusnya pastilah membawa kepada hubungan perkenalan dan persahabatan di antara insan dengan benda-benda dan hidup-hidupan di alam ini, juga pastilah membawa kepada perasaan kesatuan yang berakhir kepada Allah Pencipta alam buana dengan segala isi dan penghuninya. Setiap ilmu pengetahuan atau kajian yang menghalangi tujuan ini adalah dianggap ilmu pengetahuan yang cacat atau ilmu pengetahuan yang palsu atau kajian yang tidak berhasil.

Alam buana ini adalah sebuah kitab kebenaran yang terbuka. Ia boleh dibaca dengan semua bahasa dan boleh difahami dengan segala sarana. Ia boleh ditatap insan yang bersahaja yang menjadi penghuni khemah-khemah dan gubok-gubok buruk, juga boleh ditatap insan yang bertamadun yang tinggal di bangunan-bangunan besar dan istana-istana. Semua orang boleh membacanya mengikut daya faham dan kesediaan masing-masing. Mereka masing-masing boleh mendapat bekalan kebenaran darinya apabila mereka membawanya dengan perasaan ingin mencari kebenaran. Ia terbuka di setiap waktu:

تَبۡصِرَةٗ وَذِكۡرَىٰ لِكُلِّ عَبۡدٖ مُّنِيبٖ ٨

"Untuk menjadi pengajaran dan peringatan kepada setiap hamba yang kembali kepada Allah."(8)

Tetapi sains moden hari ini telah menghapuskan pengajaran ini dan telah memutuskan tali hubungan di antara hati insan dengan alam buana, kerana sains moden itu berada dalam kepala-kepala yang sesat dan berkarat dengan dongeng-dongeng methodologi ilmiyah yang memisahkan di antara alam dengan makhluk-makhluk yang hidup di dalamnya.

Methodologi imaniyah (cara pengajian yang berlandaskan keimanan) dapat melahirkan hasil yang tidak kurang sedikit pun dari hasil "methodologi ilmiyah" di dalam usaha memahami hakikat-hakikat yang terperinci, malah methodologi imaniyah dapat menghubungkan hakikat-hakikat ini, satu sama lain dan memulangkan semuanya kepada hakikat-hakikat yang agung, juga menghubungkan hakikat-hakikat itu dengan hati insan, iaitu menghubungkan hati insan dengan undang-undang alam dan hakikat-hakikat alam al-wujud serta mengubahkan undang-undang dan hakikat-hakikat ini menjadi nada-nada yang berpengaruh di dalam perasaan dan kehidupan manusia, bukannya menjadi bahan-bahan maklumat yang beku dan kering yang terkurung di dalam otak dan tidak melahirkan sesuatu rahsianya yang indah. Methodologi imaniyah inilah yang seharusnya mengambil-alih bidang-bidang penyelidikan dan kajian supaya ia dapat menghubungkan hakikat-hakikat ilmiyah ini dengan tali keimanan yang kukuh.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan lembaran-lembaran kebenaran di dalam kitab alam buana dalam perjalanannya untuk menegakkan persoalan kebangkitan semula selepas mati:

وَنَزَّلۡنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ مُّبَٰرَكٗا فَأَنۢبَتۡنَا بِهِۦ جَنَّٰتٖ وَحَبَّ ٱلۡحَصِيدِ ٩

وَٱلنَّخۡلَ بَاسِقَٰتٖ لَّهَا طَلۡعٞ نَّضِيدٞ ١٠

رِّزۡقٗا لِّلۡعِبَادِۖ وَأَحۡيَيۡنَا بِهِۦ بَلۡدَةٗ مَّيۡتٗاۚ كَذَٰلِكَ ٱلۡخُرُوجُ ١١

"Dan Kami turunkan dari langit air hujan yang berkat, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun (pokok buah-buahan) dan pokok bijian yang dituai(9). Serta pokok tamar yang tinggi dan bermayang berlapis-lapisan(10). Untuk menjadi rezeki kepada hamba-hamba (Kami), dan dengannya Kami hidupkan bumi yang mati. Begitulah juga caranya manusia dikeluarkan (kelak dari kubur)."(11)

Air hujan yang turun dari langit itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah yang dapat menghidupkan hati-hati yang mati sebelum ia menghidupkan bumi-bumi yang mati. Pemandangan air hujan itu sendiri tidak syak lagi membawa kesan istimewa ke dalam hati manusia. Bukan sahaja kanak-kanak yang bergembira dengan air hujan yang diturunkan itu, malah hati orang-orang dewasa yang peka pun turut bergembira dan mengalu-ngalukan kedatangannya seperti hati kanak-kanak kecil yang jujur yang hampir dengan masa fitrah.

Di sini Al-Qur'an menyifatkan air hujan dengan sifat, "berkat" dan meletakkannya di tangan qudrat Allah sebagai sebab untuk menumbuhkan kebun-kebun buah-buahan dan ladang-ladang bijian yang dituai dan pokok-pokok tamar. Ia menyifatkan pokok-pokok itu dengan sifat-sifat tinggi dan cantik:

وَٱلنَّخْلَ بَاسِقَٰتٍ لَّهَا طَلْعٌ نَّضِيدٌ ﴿١٠﴾

"Serta pokok tamar yang tinggi dan bermayang berlapis-lapisan."(10)

Tambahan sifat mayang di sini adalah dituju untuk menzahirkan keindahan mayang yang berlapis-lapis pada pokok tamar yang tinggi itu selaras dengan sifat kebenaran yang tinggi dan indah itu.

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati manusia dengan membangkitkan ni'mat-ni'mat air, kebun buah-buahan, biji-bijian, pokok tamar dan mayangnya:

رِّزْقًا لِّلْعِبَادِ ۖ

"Untuk menjadi rezeki kepada hamba-hamba (Kami)."(11)

Sedangkan mereka tidak menghargai dan bersyukur kepada Allah.

Kemudian Al-Qur'an mengakhiri angkatan perarakan kejadian-kejadian seluruh alam menuju kepada matlamatnya yang akhir:

وَأَحْيَيْنَا بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا ۚ كَذَٰلِكَ ٱلْخُرُوجُ ﴿١١﴾

"Dan dengannya juga Kami hidupkan bumi yang mati, begitulah juga caranya manusia dikeluarkan (kelak dari kubur)."(11)

Proses menghidupkan yang mati itu merupakan satu proses yang sentiasa berulang-ulang di sekeliling mereka, satu proses yang lumrah kepada mereka, tetapi mereka tidak memperhatikannya sebelum mereka membantah dan melahirkan perasaan pelik dan hairan. Begitulah pula caranya manusia dikeluarkan dari kubur. Al-Qur'an menjelaskan hakikat kebangkitan ini dengan begitu mudah dan senang setelah ia mengemblengkan segala nada kejadian alam yang indah dan menarik kepada setiap-hati yang insaf untuk membuka hati manusia. Demikianlah cara Allah mengubati hati yang telah diciptakan-Nya.

******

Kemudian Al-Qur'an membentangkan pula lembaran-lembaran sejarah manusia setelah membentangkan lembaran-lembaran kitab alam buana, iaitu sejarah yang memperkatakan tentang kesudahan umat-umat manusia yang telah mendustakan persoalan kebangkitan selepas mati dan membohongkan Rasul-rasul mereka seperti yang dilakukan oleh kaum Musyrikin Makkah, lalu mereka ditimpa 'azab Allah yang tidak dapat dielakkan mereka:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَأَصْحَٰبُ ٱلرَّسِّ وَثَمُودُ ﴿١٢﴾ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ وَإِخْوَٰنُ لُوطٍ ﴿١٣﴾ وَأَصْحَٰبُ ٱلْأَيْكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ ۚ كُلٌّ كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ ﴿١٤﴾ أَفَعَيِينَا بِٱلْخَلْقِ ٱلْأَوَّلِ ۚ بَلْ هُمْ فِى لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٥﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh dan penduduk ar-Rass juga kaum Thamud telah mendustakan Rasul (mereka masing-masing)(12). Juga kaum 'Ad, Fir'aun dan saudara Lut(13). Juga penduduk al-Aykah, kaum Tubba', seluruh mereka telah mendustakan para rasul. Kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu(14). Apakah Kami lemah mengadakan penciptaan yang pertama, bahkan sebenarnya mereka berada di dalam kekeliruan terhadap penciptaan semula yang baru?"(15)

Ar-Rass bererti perigi yang tidak dibina, dan al-Aykah pokok-pokok bertaut yang tebal. Biasanya istilah penduduk al-Aykah ialah kaum Syu'ib. Adapun penduduk ar-Rass, tiada kenyataan yang terang mengenai mereka selain dari isyarat ini sahaja, demikian juga kaum Tubba'. Tubba' ialah gelaran raja-raja Himyar di negeri Yaman. Kaum-kaum yang lain yang disebut di dalam ayat ini memang terkenal kepada pembaca Al-Qur'an.

Memang jelas bahawa tujuan dengan keterangan sepintas lalu ini bukanlah untuk menjelaskan keadaan kaum-kaum tersebut, malah untuk menyedarkan hati manusia dengan cerita-cerita kebinasaan umat purbakala itu apabila mereka mendustakan Rasul-rasul mereka. Yang menarik perhatian ialah kenyataan ayat ini bahawa semua kaum itu telah mendustakan Rasul mereka masing-masing.

كُلٌّ كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

"Seluruh mereka telah mendustakan para rasul kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu."(14)

Para Rasul Merupakan Satu Umat Yang Membawa Agama Yang Sama

Kenyataan ini dituju untuk menerangkan konsep persamaan 'aqidah dan konsep persamaan risalah. Setiap orang yang mendusta mana-mana rasul bererti mendustakan seluruh rasul kerana dia telah mendustakan satu risalah yang dibawa oleh semua rasul. Para rasul itu merupakan saudara-saudara belaka. Mereka merupakan satu umat dan satu pokok yang akar umbinya menjalar di pedalaman-pedalaman zaman silam. Setiap cabang dari pokok ini merupakan intisari dan gambaran dari ciri-ciri risalah itu. Sesiapa yang menyentuh mana-mana cabang pokok ini bererti menyentuh akar umbi dan seluruh cabangnya yang lain:

"Kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu."(14)

Dan mereka telah pun menerima 'azab yang diketahui para pendengar.

Di bawah bayangan kebinasaan yang menimpa kaum-kaum itu, Al-Qur'an kembali semula memperkatakan masalah kebangkitan selepas mati yang telah didustakan mereka. Ia bertanya:

أَفَعَيِينَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ ۚ

"Apakah Kami lemah mengadakan penciptaan yang pertama?"(15)

Pertanyaan ini tidak perlu dijawab kerana penciptaan yang pertama itu ada di hadapan mereka.

بَلْ هُمْ فِي لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٥﴾

"Bahkan sebenarnya mereka berada di dalam kekeliruan terhadap penciptaan semula yang baru"(15)

kerana mereka tidak memandang kepada penciptaan pertama yang ada di depan mereka. Oleh itu apakah yang patut dikenakan ke atas orang yang mendustakan kebangkitan itu, sedangkan buktinya terpampang di hadapan mereka?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 35)

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

إِذْ يَتَلَقَّى الْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدٌ ﴿١٧﴾

مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ۖ ذَٰلِكَ مَا كُنتَ مِنْهُ تَحِيدُ ﴿١٩﴾

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمُ الْوَعِيدِ ﴿٢٠﴾

وَجَاءَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّعَهَا سَائِقٌ وَشَهِيدٌ ﴿٢١﴾

لَّقَدْ كُنتَ فِي غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا فَكَشَفْنَا عَنكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ الْيَوْمَ حَدِيدٌ ﴿٢٢﴾

وَقَالَ قَرِينُهُ هَٰذَا مَا لَدَيَّ عَتِيدٌ ﴿٢٣﴾

أَلْقِيَا فِي جَهَنَّمَ كُلَّ كَفَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٢٤﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ مُّرِيبٍ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kamilah yang telah menciptakan manusia dan Kami memang mengetahui segala apa yang dibisikkan hatinya. Dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri(16). Ketika dua orang malaikat mencatat amalan dan perkataan-perkataannya, seorang duduk di sebelah kanannya dan seorang lagi di sebelah kirinya(17). Tiada satu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang mengawasi (perkataan-perkataannya) dan sentiasa hadir bersamanya(18). Dan Sakratul-maut datang membawa kebenaran. Itulah kesudahan yang engkau mahu mengelakkan diri darinya(19). Dan sangkakala ditiupkan. Itulah hari balasan yang dijanjikan(20). Dan setiap orang datang diiringi malaikat pemandu dan malaikat penyaksi(21). Sesungguhnya engkau berada dalam kelalaian terhadap hari Qiamat ini, lalu Kami bukakan hijab yang melindungi engkau, maka kerana itu pandanganmu pada hari ini menjadi amat tajam (jelas)(22). Dan berkatalah malaikat pengiringnya, inilah orang yang diawasiku telah sedia hadir(23). Campaklah (wahai malaikat pemandu dan malaikat penyaksi) setiap orang kafir yang degil(24). Penghalang kebajikan dan pelampau yang meragui kebenaran"(25).

الَّذِي جَعَلَ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ فَأَلْقِيَاهُ فِي الْعَذَابِ الشَّدِيدِ ﴿٢٦﴾

قَالَ قَرِينُهُ رَبَّنَا مَا أَطْغَيْتُهُ وَلَٰكِن كَانَ فِي ضَلَالٍ بَعِيدٍ ﴿٢٧﴾

قَالَ لَا تَخْتَصِمُوا لَدَيَّ وَقَدْ قَدَّمْتُ إِلَيْكُم بِالْوَعِيدِ ﴿٢٨﴾

مَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ وَمَا أَنَا بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٢٩﴾

يَوْمَ نَقُولُ لِجَهَنَّمَ هَلِ امْتَلَأْتِ وَتَقُولُ هَلْ مِن مَّزِيدٍ ﴿٣٠﴾

وَأُزْلِفَتِ الْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ غَيْرَ بَعِيدٍ ﴿٣١﴾

هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٍ ﴿٣٢﴾

مَّنْ خَشِيَ الرَّحْمَٰنَ بِالْغَيْبِ وَجَاءَ بِقَلْبٍ مُّنِيبٍ ﴿٣٣﴾

أَدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍۖ ذَٰلِكَ يَوْمُ ٱلْخُلُودِ ﴿٣٤﴾
لَهُم مَّا يَشَآءُونَ فِيهَا وَلَدَيْنَا مَزِيدٌ ﴿٣٥﴾

"Yang mengadakan sembahan yang lain bersama Allah. Campakkannya (wahai kamu berdua) ke dalam 'azab yang amat dahsyat(26). Berkatalah pengiringnya: Wahai Tuhan kami! Saya tidak menyesatkannya tetapi dia sendiri sememangnya telah berada di dalam kesesatan yang amat jauh(27). Allah berfirman: Janganlah kamu bertengkar dihadapan-Ku, kerana Aku telah pun memberi amaran kepada kamu(28). Keputusan-Ku tidak berubah dan Aku tidak sekali-kali menganiayai hamba-hamba-Ku(29). (Ingatlah) pada hari Kami bertanya Neraka: Adakah engkau sudah penuh? Jawab Neraka: Adakah lagi tambahan?(30). Dan didekatkan Syurga kepada para Muttaqin yang tidak jauh dari mereka(31). Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu, iaitu kepada setiap orang yang kembali kepada Allah dan memeliharakan peraturan-peraturan-Nya(32). Iaitu orang yang takut kepada Allah Yang Maha Penyayang walaupun dia tidak melihat-Nya dan dia datang dengan hati yang ta'at dan bertaubat(33). Silalah kamu sekalian masuk ke dalamnya (Syurga) dengan aman sejahtera. Itulah hari kehidupan yang kekal abadi(34). Mereka mendapat apa sahaja yang dikehendaki mereka dan di sisi Kami ada lagi tambahannya"(35).

Inilah bahagian yang kedua surah ini. Bahagian ini merupakan lanjutan pembicaraan tentang persoalan kebangkitan selepas mati yang telah dibicarakan di dalam bahagian yang pertama. Ia juga merupakan pengubatan kepada hati-hati yang tidak beriman dengan sentuhan-sentuhan yang baru, yang hebat dan menggerunkan, iaitu sentuhan-sentuhan mengenai pengawasan Allah yang ketat yang telah kami singgungkannya dalam kata pengantar surah ini. Ia menayangkan pemandangan-pemandangan pengawasan itu, kemudian diiringi pula dengan pemandangan Sakratul-maut, pemandangan Hisab, pemandangan pembentangan daftar-daftar amalan, pemandangan Neraka Jahannam yang ternganga mulutnya menelan manusia yang menjadi bahan-bahan bakar yang dicampakkan ke dalamnya sambil bertanya:

هَلْ مِن مَّزِيدٍ ﴿٣٠﴾

"Adakah lagi tambahan?"(30)

Dan di samping itu ditayangkan pula pemandangan Syurga yang penuh ni'mat dan penghormatan.

Ia merupakan satu perjalanan yang dimulakan dari kelahiran ke dunia kemudian melalui kematian dan berakhir dengan kebangkitan kembali dan Hisab, iaitu satu perjalanan yang terus bersambung tanpa putus-putus. Ia menggambarkan kepada hati manusia bahawa inilah satu-satunya jalan yang harus dilaluinya dan tidak dapat dihindarinya. Dari permulaan jalan hingga ke akhirnya ia tetap berada di dalam genggaman kekuasaan Allah dan tidak terlepas dari-Nya, ia tetap berada di bawah pengawasan Allah yang ketat dan tidak pernah lalai. Ia merupakan satu perjalanan yang amat mencemaskan dan membuat setiap hati merasa takut dan bimbang. Alangkah cemasnya seorang insan yang berada di dalam genggaman Allah Yang Maha Gagah Perkasa dan mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada. Alangkah cemasnya seorang insan yang diikuti dan diawasi Allah Pembalas dan Penghukum Yang Maha Agung yang tidak pernah lupa, tidak pernah lalai dan tidak pernah tidur.

Sesungguhnya seorang itu akan menggigil, gementar, hilang imbangan dan ketenangannya apabila ia sedar bahawa ia sedang dikesani oleh pemerintah yang berkuasa di bumi dengan pasukan-pasukan pengintip dan mata-matanya. Segala jejak langkahnya diikuti, tetapi pemerintah ini biarpun seramai mana mempunyai pasukan pengintip dan mata-matanya, namun mereka hanya mampu mengikuti gerak-gerinya yang lahir sahaja. Dan ia mungkin boleh menyelamatkan dirinya dari intipan mereka apabila ia bersembunyi di rumahnya atau menutup pintu rumahnya atau menutup mulutnya, tetapi genggaman Allah Yang Maha Kuasa tetap menguasainya di mana sahaja ia berada dan ke mana sahaja ia pergi. Pengawasan Allah adalah mengawasi segala hati dan segala rahsia. Oleh itu bagaimana seseorang insan yang berada dalam genggaman dan pengawasan Ilahi itu dapat melepaskan dirinya?

******

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾
إِذْ يَتَلَقَّى ٱلْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ ٱلْيَمِينِ وَعَنِ ٱلشِّمَالِ قَعِيدٌ ﴿١٧﴾
مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Kamilah yang telah menciptakan manusia dan Kami memang mengetahui segala apa yang dibisikkan hatinya dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri(16). Ketika dua orang malaikat mencatat amalan dan perkataan-perkataannya, seorang duduk di sebelah kanannya dan seorang lagi di sebelah kirinya(17). Tiada satu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang mengawasi (perkataan-perkataannya) dan sentiasa hadir bersamanya."(18)

Pengawasan Allah Yang Ketat Terhadap Seluruh Gerak-geri Manusia

Permulaan ayat:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ

"Sesungguhnya Kamilah yang telah menciptakan manusia"(16)

menunjukkan kepada satu tujuan yang tersirat di dalam ungkapan itu, iaitu pembuat sesuatu alat itu tentulah lebih mengetahui tentang susunan dan

rahsia-rahsianya walaupun dia bukan Penciptanya, kerana ia tidak menciptakan bahannya, malah ia hanya mereka bentuk dan menyusunnya sahaja. Kini bagaimana dengan Allah yang telah menjadi, mencipta dan mewujudkan manusia itu sendiri? Tentulah manusia tidak akan keluar dari tangan qudrat-Nya. Seluruh hakikatnya, sifatnya dan rahsianya tentulah terdedah dan terbuka kepada ilmu Allah yang mengetahui segala asal-usulnya, segala perkembangan keadaannya dan kesudahan hidupnya.

وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ

"Dan Kami memang mengetahui segala apa yang dibisikkan hatinya."(16)

Beginilah manusia dapati dirinya terbuka dan terdedah tidak dilindungi sesuatu apa pun. Segala bisikan hatinya yang sulit semuanya diketahui Allah, sebagai persediaan untuk menghadapi Hari Hisab yang diingkarkannya.

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

"Dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri."(16)

Iaitu urat-urat saluran darahnya.

Ungkapan ini menggambarkan genggaman kekuasaan Ilahi yang menguasai dan mengawasi segala gerak-geri manusia secara langsung. Apabila manusia memahami hakikat ini tentulah dia menggigil takut dan berhati-hati. Andainya hati seseorang itu mengenangkan maksud ungkapan ini sahaja sudah tentu dia tidak akan berani mengeluarkan sepatah kata yang tidak diredhai Allah, malah tidak akan berani membiarkan hatinya membisikkan sesuatu fikiran yang tidak diperkenankan Allah. Ungkapan ini sahaja sudah cukup untuk membuat seseorang itu sentiasa takut, waspada, hati-hati dan tidak lalai dan cuai dari menghisab dan mengira (setiap tindak-tanduknya).

Tetapi Al-Qur'an terus menggambarkan pengawasan Allah yang ketat terhadap gerak-geri manusia. Dia hidup, bergerak, tidur, makan, minum, bercakap, diam dan berjalan di sepanjang hidupnya dengan diapit oleh dua malaikat di kiri kanannya untuk terus mencatat setiap gerak dan setiap kata-kata yang terbit darinya:

إِذْ يَتَلَقَّى ٱلْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ ٱلْيَمِينِ وَعَنِ ٱلشِّمَالِ قَعِيدٌ ﴿١٧﴾

مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

"Ketika dua orang malaikat mencatat amalan dan perkataan-perkataannya, seorang duduk di sebelah kanannya dan seorang lagi di sebelah kirinya(17). Tiada satu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang mengawasi (perkataan-perkataannya) dan sentiasa hadir bersamanya."(18)

Kita tidak mengetahui bagaimana cara kedua-dua malaikat itu merakam dan mencatat (tindak-tanduk manusia). Tidak ada sebab untuk menggunakan khayalan-khayalan yang tidak berasas. Sikap kita terhadap perkara-perkara yang ghaib seperti ini ialah menerima seadanya sahaja. Kita percaya kepada maksud dan tujuannya tanpa mempersoalkan bagaimana cara-caranya, kerana ia tidak mendatangkan sesuatu faedah pun kepada kita, apatah lagi ia tidak termasuk dalam lingkungan pengalaman dan ilmu pengetahuan kita manusia.

Kita telah pun mengetahui dalam lingkungan ilmu pengetahuan kita manusia yang zahir berbagai-bagai alat perakam yang tidak pernah terlintas di dalam minda datuk nenek kita. Alat-alat itu merakam gerak-geri dan suara seperti tali-tali pita, filem wayang gambar dan filem televisyen. Semuanya ini adalah dalam lingkungan hidup kita manusia. Oleh kerana itu tidak ada sebab bagi kita untuk mengikatkan malaikat-malaikat itu dengan sesuatu cara rakaman yang tertentu dengan berdasarkan kepada kefahaman dan fikiran kita manusia yang terbatas, yang amat jauh dari alam malaikat yang majhul itu, iaitu sebuah alam yang tidak diketahui kita melainkan sekadar yang dimaklumkan Allah kepada kita, tidak lebih dari itu.

Cukuplah kepada kita hidup dalam bayangan hakikat yang digambarkan ini sahaja, dan cukuplah bagi kita menginsafi apabila kita hendak melakukan sesuatu perbuatan atau mengucapkan sesuatu perkataan bahawa di kanan kiri kita ada malaikat yang merakamkan setiap kata-kata dan harakat yang terbit dari kita, dan semuanya itu akan dimasukkan ke dalam rekod hisab kita yang akan dibentangkan di hadapan Allah yang tidak luput sedikit pun dari ilmu-Nya.

Cukuplah kepada kita hidup dalam bayangan hakikat catatan yang menggerunkan ini walaupun kita tidak mengetahui kaifiyat dan cara-caranya, namun hakikat ini tetap wujud dalam mana-mana bentuknya yang tertentu dan kita tidak dapat menghindarkan diri dari kewujudannya. Allah telah memaklumkan hakikat ini kepada kita supaya kita berhati-hati dan berwaspada bukannya supaya kita berusaha dengan susah payah untuk mengetahui kaifiyat dan bagaimana cara catatan itu dilakukan.

Inilah cara yang diambil oleh orang-orang yang mengambil faedah dari pengajaran Al-Qur'an dan dari bimbingan Rasulullah s.a.w. mengenai hakikat pengajaran Al-Qur'an itu, iaitu mereka insaf dan sedar dan seterusnya beramal mengikut kesedaran itu.

Kata al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abu Mu'awiyah, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn 'Amr ibn 'Alqamah al-Laythi dari bapanya dari datuknya 'Alqamah dari Bilal ibn al-Harith al-Muzni r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الرجل ليتكلم بالكلمة من رضوان الله تعالى ، ما يظن أن تبلغ ما بلغت ، يكتب الله عزوجل له بها

رضوانه إلى يوم يلقاه . وإن الرجل ليتكلم بالكلمة من سخط الله تعالى ما يظن أن تبلغ ما بلغت ، يكتب الله تعالى عليه بها سخطه إلى يوم يلقاه.

"Sesungguhnya seseorang yang mengucapkan perkataan yang diredhai Allah Ta'ala, yang tidak terfikir olehnya bahawa kesan perkataan itu sampai sejauh-jauhnya, nescaya Allah 'Azza wajalla akan mencatatkan keredhaan-Nya yang berkekalan sehingga kepada hari dia bertemu dengan-Nya.Dan sesungguhnya seseorang yang mengucapkan perkataan yang dimurkai Allah Ta'ala, yang tidak terfikir olehnya bahawa kesan perkataan itu sampai sejauh-jauhnya, nescaya Allah Ta'ala akan mencatatkan kemurkaan-Nya yang berkekalan sehingga kepada hari dia bertemu dengan-Nya."

Kata (al-Imam Ahmad): 'Alqamah pernah berkata: "Hadith Bilal ibn al-Harith ini telah banyak menghalangku dari bercakap." (Hadith ini juga diriwayatkan oleh at-Tirmizi, an-Nasa'i, Ibn Majah dari hadith Muhammad ibn 'Amr dan berkata at-Tirmizi: "Hadith ini adalah hadith Hasan sahih.")

Menurut cerita al-Imam Ahmad bahawa dia merintih dalam penderitaan maut (sakratul-maut) kemudian dia mendengar bahawa rintihan itu dicatatkan juga, lalu dia pun berhenti, sehingga dia menghembuskan nafasnya r.a.

Demikianlah tokoh-tokoh ulama' menerima hakikat ini dan menghayatinya dengan penuh keyakinan.

******

Di dalam kitab manusia terdapat lembaran hidup dan lembaran ketika hampir mati.

وَجَآءَتْ سَكْرَةُ ٱلْمَوْتِ بِٱلْحَقِّ ذَٰلِكَ مَا كُنتَ مِنْهُ تَحِيدُ ﴿١٩﴾

"Dan sakratul-maut datang membawa kebenaran. Itulah kesudahan yang engkau mahu mengelakkan diri darinya."(19)

Ketika Manusia Menghadapi Sakratul-maut

Maut bagi manusia merupakan sesuatu yang diusahakan mereka dengan segala daya upaya untuk mengelakkan diri darinya atau untuk menjauhkan bayang-bayangnya dari ingatan mereka, tetapi masakan mereka dapat melepaskan diri darinya, kerana maut adalah pencari yang tidak pernah jemu mencari. Langkahnya tidak pernah lambat dan janji-janjinya tidak pernah mungkir. Menyebut sakratul-maut (penderitaan ketika hampir mati) sudah cukup membuat seseorang itu, menggigil ketakutan. Ketika pemandangan hampir mati itu sedang ditayang, manusia mendengar firman Allah:

"Itulah kesudahan yang engkau mahu mengelakkan diri darinya."(19)

Gema maut menakutkan manusia walaupun dia masih di alam hayat, apatah lagi jika perkataan itu dikatakan kepadanya di sa'at dia sedang menghadapi sakratul-maut. Menurut sebuah hadith dalam as-sahih bahawa ketika Rasulullah s.a.w. sedang dalam sakratul-maut, beliau menyapu peluh dari wajahnya sambil bersabda:

سبحانا الله . إن للموت لسكرات

"Subhanallah! Maut itu mempunyai penderitaan-penderitaannya."

Perkataan ini diucapkan beliau, sedangkan beliau telah memilih Allah selaku ar-Rafiqul A'la dan rindu untuk menemui-Nya, bagaimana pula dengan orang-orang lain darinya?

Ungkapan "*membawa kebenaran*" dalam ayat:

وَجَآءَتْ سَكْرَةُ ٱلْمَوْتِ بِٱلْحَقِّ

"Dan Sakratul-maut datang membawa kebenaran"(19)

menyarankan bahawa jiwa manusia nampak kebenaran itu dengan jelas dalam sa'at-sa'at dia diselubungi Sakratul-maut. Ia dapat melihat kebenaran itu dengan jelas tanpa sebarang hijab. Dia dapat memahami dari kebenaran itu apa yang selama ini tidak diketahui dan diingkarkannya, tetapi sayang masa keinsafan itu telah terlewat di mana kebenaran yang dilihatnya tidak berguna apa-apa lagi kepadanya. Kesedaran dan kefahamannya tidak memberi apa-apa faedah kepadanya, taubatnya tidak lagi diterima dan imannya tidak lagi dikira. Itulah kebenaran yang didustakan mereka selama ini yang menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang tidak menentu dan kacau-bilau, tetapi kini ketika mereka memahami dan mengakui kebenaran itu ia tidak lagi memberi apa-apa faedah kepadanya.

******

Perhimpunan Di Mahsyar Dan Upacara Hisab

Dari Sakratul-maut beralih pula kepada kedahsyatan perhimpunan Mahsyar dan Hisab:

قَالَ قَرِينُهُۥ رَبَّنَا مَآ أَطْغَيْتُهُۥ وَلَٰكِن كَانَ فِى ضَلَٰلٍۭ بَعِيدٍ ﴿٢٧﴾

قَالَ لَا تَخْتَصِمُوا۟ لَدَىَّ وَقَدْ قَدَّمْتُ إِلَيْكُم بِٱلْوَعِيدِ ﴿٢٨﴾

مَا يُبَدَّلُ ٱلْقَوْلُ لَدَىَّ وَمَآ أَنَا۠ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٢٩﴾

"Dan sangkakala ditiupkan. Itulah hari balasan yang dijanjikan(20). Dan setiap orang datang diiringi malaikat pemandu dan malaikat penyaksi(21). Sesungguhnya engkau berada dalam kelalaian terhadap hari Qiamat ini, lalu Kami bukakan hijab yang melindungi engkau, maka kerana itu pandanganmu pada hari ini menjadi amat tajam (jelas)(22). Dan berkatalah malaikat pengiringnya, inilah orang yang diawasiku telah sedia hadir(23). Campaklah (wahai malaikat pemandu dan malaikat penyaksi) setiap orang kafir yang degil(24). Penghalang kebajikan dan pelampau yang meragui kebenaran(25). Yang mengadakan sembahan yang lain bersama Allah. Campakkannya (wahai kamu berdua) ke dalam 'azab yang amat dahsyat(26). Berkatalah pengiringnya: Wahal Tuhan kami! Saya tidak menyesatkannya tetapi dia sendiri sememangnya telah berada di dalam kesesatan yang amat jauh(27). Allah berfirman: Janganlah kamu bertengkar di hadapan-Ku, kerana Aku telah pun memberi amaran kepada kamu(28). Keputusan-Ku tidak berubah dan Aku tidak sekali-kali menganiayai hamba-hamba-Ku."(29)

Apabila pemandangan ini dikenangkan, maka cukuplah bagi seseorang itu merasa bimbang, takut, berhati-hati, ternanti-nanti dengan cemas di sepanjang hidupnya di dunia ini. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

كيف أنعم ، وصا حب القرن قد التقم القرن ، وحنى جبهته ، وانتظر أن يؤذن له

"Bagaimana aku dapat bersenang-lenang sedangkan Israfil peniup sangkakala telah pun meletakkan sangkakala itu di mulutnya dan telah pun menundukkan dahinya menunggu perintah dari Allah sahaja"

Lalu sahabat-sahabatnya bertanya: Apakah yang patut kami ucapkan? Jawab Rasulullah s.a.w.: Katakanlah:

حسبنا الله ونعم الوكيل

"Cukuplah Allah menjadi pelindung kami dan Dialah sebaik-baik pelindung"

(Diriwayatkan oleh at-Tirmizi)

Lalu mereka pun berkata حسبنا الله ونعم الوكيل .

وَجَآءَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّعَهَا سَآئِقٌ وَشَهِيدٌ ﴿٢١﴾

"Dan setiap orang datang diiringi malaikat pemandu dan malaikat penyaksi."(21)

Maksudnya, setiap orang datang. Di sini ia diungkapkan dengan "jiwa" (نفس) kerana jiwalah yang dihisabkan dan dialah yang menerima balasan. Setiap orang datang diiringi malaikat pemandu dan malaikat penyaksi. Mungkin kedua-duanya ialah malaikat-malaikat yang mengawasinya di dunia dan mungkin juga dua malaikat yang lain, tetapi ihtimal pertama lebih dekat. Pemandangan ini hampir serupa dengan pemandangan orang salah yang sedang dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan, tetapi perbicaraan di sini adalah berlangsung di hadapan Allah Yang Maha Perkasa.

Dalam keadaan yang amat mencemaskan ini dikatakan kepadanya:

لَّقَدْ كُنتَ فِى غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا فَكَشَفْنَا عَنكَ غِطَآءَكَ فَبَصَرُكَ ٱلْيَوْمَ حَدِيدٌ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya engkau berada dalam kelalaian terhadap hari Qiamat ini, lalu Kami bukakan hijab yang melindungi engkau, maka kerana itu pandanganmu pada hari ini menjadi amat tajam (jelas)."(22)

Maksudnya, penglihatanmu pada hari ini amat kuat dan jelas, tidak lagi dilindungi hijab. Inilah masa terlaksananya perjanjian Allah yang diabaikan engkau dan inilah kedudukan yang tidak diperhitungkan engkau dengan sewajarnya dan inilah kesudahan yang tidak didugakan engkau. Sekarang lihatlah dengan matamu yang kuat dan terang.

Di sini tampil pula malaikat pengiringnya. Pendapat yang terkuat ialah bahawa yang dimaksudkan dengan malaikat pengiring di sini ialah malaikat penyaksi yang membawa daftar catatan hidupnya:

وَقَالَ قَرِينُهُۥ هَٰذَا مَا لَدَىَّ عَتِيدٌ ﴿٢٣﴾

"Dan berkatalah malaikat pengiringnya, inilah orang yang diawasiku telah sedia hadir."(23)

Maksudnya, ia telah pun siap sedia dan hadir dan tidak perlu kepada apa-apa persediaan lagi.

Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa mengenai pemeriksaan daftar catatan amalan itu untuk mempercepatkan cerita penjatuhan dan pelaksanaan hukum (ke atas orang-orang yang berdosa itu). Ia hanya menyebut perintah Allah kepada dua malaikat pembawa dan penyaksi ini:

أَلْقِيَا فِى جَهَنَّمَ كُلَّ كَفَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٢٤﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ مُّرِيبٍ ﴿٢٥﴾

ٱلَّذِى جَعَلَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَأَلْقِيَاهُ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلشَّدِيدِ ﴿٢٦﴾

"Campaklah (wahai malaikat pemandu dan malaikat penyaksi) setiap orang kafir yang degil(24). Penghalang kebajikan dan pelampau yang meragui kebenaran(25). Yang mengadakan sembahan yang lain bersama Allah. Campakkannya (wahai kamu berdua) ke dalam 'azab yang amat dahsyat."(26)

Sifat-sifat yang disebutkan ini menyebabkan keadaan bertambah cemas. Ia menunjukkan kemurkaan Allah Yang Maha Gagah Perkasa dalam suasana yang menakutkan itu. Sifat-sifat itu merupakan sifat-sifat yang buruk yang wajar

menerima hukuman yang berat, iaitu sifat-sifat kafir, degil, penghalang kebajikan, pelampau, dan meragui kebenaran dan menyembah tuhan yang lain di samping Allah. Dan pada akhirnya perintah itu ditekankan lagi walaupun ia tidak memerlukan kepada tekanan:

فَأَلْقِيَاهُ فِي ٱلْعَذَابِ ٱلشَّدِيدِ ﴿٢٦﴾

"Campakkannya (wahai kamu berdua) ke dalam 'azab yang amat dahsyat."(26)

Ayat ini menerangkan tempatnya dalam Neraka, di mana perintah mula dikeluar untuk mencampakkannya.

Ketika itu pengiringnya menggigil ketakutan dan terus membersihkan dirinya dari sebarang tohmahan, kerana ia bertindak selaku pengiring dan temannya:

قَالَ قَرِينُهُۥ رَبَّنَا مَآ أَطْغَيْتُهُۥ وَلَٰكِن كَانَ فِي ضَلَٰلٍۭ بَعِيدٍ ﴿٢٧﴾

"Berkatalah pengiringnya: Wahai Tuhan kami! Saya tidak menyesatkannya tetapi dia sendiri sememangnya telah berada di dalam kesesatan yang amat jauh."(27)

Mungkin pengiring yang disebutkan di sini lain dari malaikat pengawas yang mengemukakan daftar amalan-amalan itu dan mungkin yang dimaksudkan dengannya ialah syaitan yang bertugas menemaninya untuk menyesatkannya. Dia membersihkan dirinya bahawa dia tidak menyesatkan manusia, malah dia dapati manusia itu sediri telah sesat lalu mereka mendengar godaan dan tipu dayanya. Di dalam Al-Qur'an terdapat pemandangan-pemandangan yang serupa dengan pemandangan ini, di mana syaitan membersihkan dirinya dari tanggungjawab terhadap kesesatan manusia, tetapi Ihtimal yang pertama itu juga boleh diterima. Dan mungkin pula yang dimaksudkan dengan pengiring di sini ialah malaikat pengawas itu sendiri, iaitu oleh kerana suasana amat mencemaskan dia dengan segera membersihkan dirinya dari segala tanggungjawab. Dia menerangkan walaupun dia menemani dan mengawasi manusia yang malang itu, namun dia tidak campurtangan dalam sebarang perbuatan sesat yang dilakukannya itu. Pembersihan diri dari orang yang bersih dan jujur itu lebih menakutkan dan menggerunkan lagi.

Di sini datanglah kata pemutus dari Allah yang menamatkan segala kata-kata yang lain:

قَالَ لَا تَخْتَصِمُوا۟ لَدَىَّ وَقَدْ قَدَّمْتُ إِلَيْكُم بِٱلْوَعِيدِ ﴿٢٨﴾

مَا يُبَدَّلُ ٱلْقَوْلُ لَدَىَّ وَمَآ أَنَا۠ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٢٩﴾

"Allah berfirman janganlah kamu bertengkar di hadapan-Ku, kerana Aku telah pun memberi amaran kepada kamu(28). Keputusan-Ku tidak berubah dan Aku tidak sekali-kali menganiayai hamba-hamba-Ku."(29)

Di sini bukannya tempat bertengkar. Amaran dan janji yang menentukan balasan kepada setiap amalan itu telah pun diberi sebelum ini. Dan segala-galanya telah dicatat dan tidak boleh ditukar. Setiap orang dibalaskan mengikut apa yang tercatat di dalam daftar itu. Allah sama sekali tidak menganiayai sesiapa. Allah yang menentukan balasan itu dan Dia adalah Hakim Yang Maha Adil.

Dengan ini tamatlah pemandangan Hisab yang menakutkan itu dengan segala kesusahan dan kekerasannya, tetapi seluruh pemandangan ini belum lagi tamat, malah ayat berikut menayangkan lagi sebahagian pemandangan yang amat ngeri:

يَوْمَ نَقُولُ لِجَهَنَّمَ هَلِ ٱمْتَلَأْتِ وَتَقُولُ هَلْ مِن مَّزِيدٍ ﴿٣٠﴾

"(Ingatlah) pada hari Kami bertanya Neraka: Adakah engkau sudah penuh? Jawab Neraka: Adakah lagi tambahan?"(30)

Ini adalah satu pemandangan soaljawab di mana Neraka itu sendiri dibabitkan dalam soaljawab. Dan dengan soaljawab ini muncul satu pemandangan yang menarik dan menakutkan di mana manusia yang kafir, degil, penghalang kebajikan, pelampau dan peragu telah dicampakkan ke dalam Neraka berturut-turut dengan jumlah yang amat ramai. Mereka kelihatan bertindih-tindih dan berlonggok-longgok. Ketika inilah Neraka ditanya:

هَلِ ٱمْتَلَأْتِ

"Adakah engkau sudah penuh?"(30)

Tetapi Neraka menjilat bibir dan berkata dengan nafsu yang lahap:

هَلْ مِن مَّزِيدٍ ﴿٣٠﴾

"Adakah lagi tambahan?"(30)

Pemandangan Para Muttaqin Dalam Syurga

Sementara di tebing yang sebelah lagi ditayangkan pula pemandangan yang lembut, mesra, riang dan indah, iaitu pemandangan Syurga yang diperdekatkan kepada para Muttaqin hingga kelihatan begitu dekat kepada mereka di samping diberikan sambutan dan alu-aluan yang penuh penghormatan kepada mereka:

وَأُزْلِفَتِ ٱلْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ غَيْرَ بَعِيدٍ ﴿٣١﴾

هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٍ ﴿٣٢﴾

مَّنْ خَشِىَ ٱلرَّحْمَٰنَ بِٱلْغَيْبِ وَجَآءَ بِقَلْبٍ مُّنِيبٍ ﴿٣٣﴾

ٱدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍ ذَٰلِكَ يَوْمُ ٱلْخُلُودِ ﴿٣٤﴾

لَهُم مَّا يَشَآءُونَ فِيهَا وَلَدَيْنَا مَزِيدٌ ﴿٣٥﴾

"Dan didekatkan Syurga kepada para Muttaqin yang tidak jauh dari mereka(31). Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu, iaitu kepada setiap orang yang kembali kepada Allah dan memeliharakan peraturan-peraturan-Nya(32). Iaitu orang yang takut kepada Allah Yang Maha Penyayang walaupun dia tidak melihat-Nya dan dia datang dengan hati

yang ta'at dan bertaubat(33). Silalah kamu sekalian masuk ke dalamnya (Syurga) dengan aman sejahtera. Itulah hari kehidupan yang kekal abadi(34). Mereka mendapat apa sahaja yang dikehendaki mereka dan di sisi Kami ada lagi tambahannya."(35)

Penghormatan itu di zahirkan dalam setiap perkataan dan setiap harakat. Syurga diperdekatkan dan mereka tidak lagi terpaksa bersusah payah berjalan menuju kepadanya, malah Syurga itu sendiri yang datang:

غَيْرَ بَعِيدٍ ﴿٣١﴾

"Yang tidak jauh dari mereka."(31)

Mereka disambut oleh ni'mat keredhaan Allah bersama ni'mat Syurga:

هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٍ ﴿٣٢﴾

مَّنْ خَشِيَ ٱلرَّحْمَٰنَ بِٱلْغَيْبِ وَجَآءَ بِقَلْبٍ مُّنِيبٍ ﴿٣٣﴾

"Inilah balasan Yang dijanjikan kepada kamu, iaitu kepada setiap orang yang kembali kepada Allah dan memeliharakan peraturan-peraturan-Nya(32). Iaitu orang yang takut kepada Allah Yang Maha Penyayang walaupun dia tidak melihat-Nya dan dia datang dengan hati yang ta'at dan bertaubat."(33)

Mereka dihormati dengan sifat-sifat yang tinggi ini dari alam al-Mala'ul-A'la, dan dengan itu tahulah mereka bahawa mereka - menurut penilaian neraca Allah - adalah orang-orang yang kembali kepada Allah, orang-orang yang memelihara peraturan-Nya, orang-orang yang takut kepada-Nya dan orang-orang yang ta'at kepada-Nya. Kemudian mereka dipersilakan masuk ke dalam Syurga untuk selama-lamanya:

ٱدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍ ۖ ذَٰلِكَ يَوْمُ ٱلْخُلُودِ ﴿٣٤﴾

"Silalah kamu sekalian masuk ke dalamnya (Syurga) dengan aman sejahtera. Itulah hari kehidupan yang kekal abadi."(34)

Kemudian diumumkan di alam al-Mala'ul-A'la sebagai tanda penghormatan kepada mereka bahawa mereka akan mendapat habuan limpah kurnia yang tidak terbatas di sisi Allah:

لَهُم مَّا يَشَآءُونَ فِيهَا وَلَدَيْنَا مَزِيدٌ ﴿٣٥﴾

"Mereka mendapat apa sahaja yang dikehendaki mereka dan di sisi Kami ada lagi tambahannya."(35)

Apa sahaja ni'mat yang dicipta-ciptakan mereka adalah tidak sampai kepada tahap ni'mat-ni'mat yang telah disediakan untuk mereka kerana ni'mat-ni'mat tambahan dari Allah itu tidak terbatas.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 45)

Kemudian tibalah bahagian penghabisan dari surah ini seolah-olah rentak irama yang terakhir dari sebuah lagu iaitu rentak irama yang mengulangi sekuat-kuat nadanya memperkatakan secara sepintas lalu peristiwa-peristiwa bersejarah dari kebinasaan umat-umat di zaman silam serta menyentuh serba sedikit tentang kitab alam buana yang terbuka dan kitab Al-Qur'an Yang Maha Jelas, tentang kebangkitan dan perhimpunan di Mahsyar dengan suatu pemandangan yang baru di samping memberi bimbingan dan arahan yang meninggalkan kesan yang mendalam di dalam hati dan perasaan:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هُمْ أَشَدُّ مِنْهُم بَطْشًا فَنَقَّبُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ هَلْ مِن مَّحِيصٍ ﴿٣٦﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ وَمَا مَسَّنَا مِن لُّغُوبٍ ﴿٣٨﴾

فَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ ٱلْغُرُوبِ ﴿٣٩﴾

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَأَدْبَٰرَ ٱلسُّجُودِ ﴿٤٠﴾

وَٱسْتَمِعْ يَوْمَ يُنَادِ ٱلْمُنَادِ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٤١﴾

يَوْمَ يَسْمَعُونَ ٱلصَّيْحَةَ بِٱلْحَقِّ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمُ ٱلْخُرُوجِ ﴿٤٢﴾

إِنَّا نَحْنُ نُحْىِۦ وَنُمِيتُ وَإِلَيْنَا ٱلْمَصِيرُ ﴿٤٣﴾

يَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ۚ ذَٰلِكَ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِيرٌ ﴿٤٤﴾

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِجَبَّارٍ ۖ فَذَكِّرْ بِٱلْقُرْءَانِ مَن يَخَافُ وَعِيدِ ﴿٤٥﴾

"Dan berapa banyak kaum sebelum mereka (Musyrikin Makkah) yang telah Kami binasakannya, sedangkan kaum-kaum itu lebih kuat dari mereka, lalu mereka menjelajah di segenap negeri, tetapi apakah mereka mendapat tempat perlindungan (dari 'azab Allah)?(36). Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu menjadi peringatan kepada orang-orang yang mempunyai hati (yang sedar) atau memberi pendengarannya (kepada kisah-kisah ini) dan dia sendiri menyaksi(37). Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan langit dan bumi dan segala kejadian di antara keduanya dan Kami tidak sekali-kali disentuh sebarang kepenatan(38). Oleh itu, sabarlah terhadap perkataan-perkataan yang dikatakan mereka dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum

terbit matahari dan sebelum terbenamnya(39). Dan bertasbihlah pada waktu malam dan selepas selesai sembahyang(40). Dan dengarlah (wahai Muhammad) suara seruan pada hari (malaikat Israfil) mengisytiharkan (Hari Mahsyar) dari suatu tempat yang dekat(41). Iaitu pada hari mereka akan mendengar pekikan kebangkitan yang membawa kebenaran. Itulah hari keluar dari kubur(42). Sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada Kamilah tempat kembali(43). Pada hari bumi terbelah mengeluarkan mereka dengan segera. Itulah pengumpulan yang amat mudah kepada Kami(44). Kami lebih mengetahui segala apa yang dikatakan mereka dan engkau bukanlah seorang yang perkasa yang dapat memaksakan mereka. Oleh itu berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada siapa yang takut kepada amaran-Ku."(45)

Walaupun perkara-perkara yang disentuh di dalam ayat-ayat ini telah pun disentuh di dalam ayat-ayat sebelumnya, tetapi perkara-perkara itu telah dikemukakan kembali pada akhir surah ini dengan gaya yang baru dan dengan cara yang ringkas dan pantas.

Gaya dan cara pembentangan yang ringkas ini menimbulkan perasaan yang berlainan, dari gaya dan cara pembentangan yang terperinci yang dilakukan pada ayat-ayat di bahagian awal surah ini. Inilah ciri dan cara Al-Qur'an yang amat menarik.

Sebelum ayat ini Al-Qur'an menjelaskan:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَأَصْحَٰبُ ٱلرَّسِّ وَثَمُودُ ﴿١٢﴾ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ وَإِخْوَٰنُ لُوطٍ ﴿١٣﴾ وَأَصْحَٰبُ ٱلْأَيْكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ كُلٌّ كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh dan penduduk ar-Rass juga kaum Thamud telah mendustakan Rasul (mereka masing-masing)(12). Juga kaum 'Ad, Fir'aun dan saudara Lut(13). Juga penduduk al-Aykah, kaum Tubba', seluruh mereka telah mendustakan para rasul. Kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa-Ku yang dijanjikan itu."(14)

Di sini pula Al-Qur'an menjelaskan:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هُمْ أَشَدُّ مِنْهُم بَطْشًا فَنَقَّبُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ هَلْ مِن مَّحِيصٍ ﴿٣٦﴾

"Dan berapa banyak kaum sebelum mereka (Musyrikin Makkah) yang telah Kami binasakannya, sedangkan kaum-kaum itu lebih kuat dari mereka, lalu mereka menjelajah di segenap negeri, tetapi apakah mereka mendapat tempat perlindungan (dari 'azab Allah)?"(36)

Mengambil Pengajaran Dari Kebinasaan Umat-umat Yang Silam

Hakikat yang dibicarakan di sini adalah sama sahaja dengan hakikat yang dibicarakan di sana, tetapi ia dikemukakan dengan cara yang baru yang berlainan dari cara yang dikemukakan di sana, kemudian ditambahkan dengan kisah generasi-generasi kaum ini yang menjelajah di merata pelosok negeri mencari punca-punca yang dapat menyelamatkan hidup mereka, sedangkan mereka tidak dapat lari dan melepaskan diri dari genggaman kekuasaan Allah.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang membuat gambaran hakikat ini lebih baru dan lebih segar lagi:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu menjadi peringatan kepada orang-orang yang mempunyai hati (yang sedar) atau memberi pendengarannya (kepada kisah-kisah ini) dan dia sendiri menyaksi."(37)

Maksudnya, kebinasaan umat-umat di zaman dahulu itu adalah menjadi peringatan kepada setiap orang yang mempunyai hati yang insaf. Barang siapa yang tidak mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa ini bererti hatinya telah mati atau ia tidak berhati langsung. Untuk mengambil peringatan dan pengajaran cukuplah jika seseorang itu mendengar kisah ini dengan teliti dan penuh perhatian. Kisah yang seperti itu mempengaruhi jiwa manusia, kerana jiwa manusia amat peka dengan kisah-kisah kebinasaan yang menimpa umat-umat zaman dahulu. Apabila sesuatu kesedaran telah wujud dan pintu hati telah terbuka, maka cukuplah untuk menimbulkan berbagai-bagai kenangan dan fikiran yang dapat memberi ilham yang baik dalam suasana-suasana yang menarik seperti ini.

Sebelum ini Al-Qur'an telah membuka lembaran kitab alam dengan firman-Nya:

أَفَلَمْ يَنظُرُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَٰهَا وَزَيَّنَّٰهَا وَمَا لَهَا مِن فُرُوجٍ ﴿٦﴾ وَٱلْأَرْضَ مَدَدْنَٰهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ﴿٧﴾

"Tidakkah mereka memperhatikan langit di atas mereka, bagaimana Kami membina dan menghiaskannya dan tiada padanya sebarang retak dan pecah-belah?(6). Dan bumi Kami hamparkannya, dan Kami pacakkan padanya gunung-ganang yang teguh, dan Kami tumbuhkan di atasnya segala jenis tanaman yang indah pemandangannya."(7)

Dan di sini pula ia menjelaskan:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu menjadi peringatan kepada orang-orang yang mempunyai hati (yang sedar) atau memberi pendengarannya (kepada kisah-kisah ini) dan dia sendiri menyaksi."(37)

Di dalam ayat ini ia menambahkan satu hakikat yang baru kepada hakikat yang sama yang dibicarakan di sana, iaitu hakikat:

وَمَا مَسَّنَا مِن لُّغُوبٖ ٣٨

"Dan Kami tidak sekali-kali disentuh sebarang kepenatan."(38)

Ayat ini membayangkan betapa mudahnya Allah menciptakan alam buana yang besar dan lebar itu dan lebih mudah lagi baginya untuk menghidupkan manusia-manusia yang telah mati jika dibandingkan dengan kerja-kerja mencipta langit dan bumi.

Setelah itu ia iringi pula dengan satu saranan dan bayangan yang baru:

وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَسَبِّحۡهُ وَأَدۡبَٰرَ ٱلسُّجُودِ ٤٠

وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَسَبِّحۡهُ وَأَدۡبَٰرَ ٱلسُّجُودِ ٤٠

"Oleh itu, sabarlah terhadap perkataan-perkataan yang dikatakan mereka dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya(39). Dan bertasbihlah pada waktu malam dan selepas selesai sembahyang."(40)

Pemandangan matahari terbit dan terbenam dan pemandangan kedatangan malam selepas matahari terbenam merupakan fenomena-fenomena yang ada hubungan dengan langit dan bumi. Dan di sini Al-Qur'an menghubungkan pula fenomena-fenomena itu dengan amalan tasbih, memuji Allah dan sujud kepada-Nya sambil menyarankan supaya bersabar di atas kata-kata kaum Musyrikin yang ingkarkan kebangkitan selepas mati dan ingkarkan qudrat Allah yang berkuasa menghidupkan mereka kembali. Ini menimbulkan satu suasana baru menyelubungi persoalan yang dibicarakan berulang-ulang kali itu, iaitu suasana bersabar, memuji Allah, bertasbih dan sujud kepada-Nya yang semuanya dihubungkan dengan lembaran alam buana dan fenomena-fenomenanya yang mengharukan perasaan setiap kali merenungi langit dan bumi dan setiap kali melihat terbitnya matahari dan datangnya hari malam dan setiap kali sujud kepada Allah di waktu terbit dan terbenamnya matahari.

Kemudian satu lagi sentuhan baru yang juga dihubungkan dengan lembaran alam buana yang terbentang itu ialah saranan supaya bersabar, bertasbih dan sujud kepada Allah ketika anda menunggu peristiwa besar Qiamat yang mungkin berlaku pada bila-bila masa itu, iaitu peristiwa yang menjadi inti dan pokok perbicaraan surah ini:

وَٱسۡتَمِعۡ يَوۡمَ يُنَادِ ٱلۡمُنَادِ مِن مَّكَانٖ قَرِيبٖ ٤١

يَوۡمَ يَسۡمَعُونَ ٱلصَّيۡحَةَ بِٱلۡحَقِّۚ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلۡخُرُوجِ ٤٢

إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِۦ وَنُمِيتُ وَإِلَيۡنَا ٱلۡمَصِيرُ ٤٣

يَوۡمَ تَشَقَّقُ ٱلۡأَرۡضُ عَنۡهُمۡ سِرَاعٗاۚ ذَٰلِكَ حَشۡرٌ عَلَيۡنَا يَسِيرٞ ٤٤

"Dan dengarlah (wahai Muhammad) suara seruan pada hari (malaikat Israfil) mengisytiharkan (Hari Mahsyar) dari suatu tempat yang dekat(41). Iaitu pada hari mereka akan mendengar pekikan kebangkitan yang membawa kebenaran. Itulah hari keluar dari kubur(42). Sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada Kamilah tempat kembali(43). Pada hari bumi terbelah mengeluarkan mereka dengan segera. Itulah pengumpulan yang amat mudah kepada Kami."(44)

Ini adalah satu pemandangan baru yang menarik pada hari Qiamat yang amat dahsyat itu. Sebelum ini Qiamat telah diterangkan dengan satu gambaran dan pemandangan yang lain:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِۚ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلۡوَعِيدِ ٢٠

وَجَآءَتۡ كُلُّ نَفۡسٖ مَّعَهَا سَآئِقٞ وَشَهِيدٞ ٢١

"Dan sangkakala ditiupkan. Itulah hari balasan yang dijanjikan(20). Dan setiap jiwa datang diiringi oleh malaikat pembawa dan malaikat penyaksi."(21)

Tetapi di sini tiupan sangkakala itu diungkapkan dengan **"pekikan"** dan disertakan dengan gambaran manusia keluar dari kubur dan pemandangan bumi terbelah meluahkan seluruh manusia yang telah berlalu di dalam seluruh sejarah hidup hingga ke penghabisan perjalanan hidup mereka (di bumi ini). Kubur-kubur yang selama ini digali untuk sekian kali yang tidak terhingga dan bersilih ganti ditanam orang-orang yang mati sebagaimana disifatkan oleh al-Ma'arri dalam sajaknya:

رب قبر قد صار قبراً مراراً * ضاحك من تزاحم الأضداد

ودفين على بقايا دفين * في طويل الآجل والآماد

Banyak kubur berkali-kali jadi kubur
Ketawa melihat musuh bercampur baur
Banyak yang ditanam di atas sisa-sisa yang telah ditanam,
Di sepanjang masa dan zaman

Kubur-kubur itu akan terbelah semuanya dan meluahkan mereka keluar yang selama ini hancur lebur, hilang di celah lubang-lubang bumi dan tidak diketahui tempatnya melainkan Allah. Ini adalah satu pemandangan yang amat menarik yang di luar daya imaginasi manusia.

Dan di bawah bayangan pemandangan yang menarik inilah Al-Qur'an menjelaskan, hakikat

kebangkitan yang dipertikai dan diingkarkan kaum Musyrikin itu:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِۦ وَنُمِيتُ وَإِلَيْنَا ٱلْمَصِيرُ ﴿٤٣﴾ يَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ۚ ذَٰلِكَ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِيرٌ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya yang menghidup dan yang mematikan dan kepada Kamilah tempat kembali(43). Itulah pengumpulan yang amat mudah kepada Kami."(44)

Ia menjelaskan hakikat ini pada masa yang amat tepat dan sesuai.

Dan dibawah bayangan pemandangan ini juga Al-Qur'an mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar terhadap dolak-dalih serta pendustaan kaum Musyrikin yang ingkarkan hakikat yang amat jelas ini, iaitu satu hakikat yang dapat dilihat oleh mata hati nurani:

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِجَبَّارٍ ۖ فَذَكِّرْ بِٱلْقُرْءَانِ مَن يَخَافُ وَعِيدِ ﴿٤٥﴾

"Kami lebih mengetahui segala apa yang dikatakan mereka. Dan engkau bukanlah seorang yang perkasa yang dapat memaksakan mereka. Oleh itu berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada siapa yang takut kepada amaran-Ku."(45)

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ ۖ

"Kami lebih mengetahui segala apa yang dikatakan mereka."(45)

Ini sahaja sudah cukup untukmu kerana ilmu Allah itu akan membawa akibat yang buruk kepada mereka. Ini adalah satu ancaman secara halus.

وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِجَبَّارٍ ۖ

"Dan engkau bukanlah seorang yang perkasa yang dapat memaksakan mereka"(45)

supaya mereka beriman dan mempercayaimu. Urusan ini bukan urusanmu, malah ia adalah urusan Kami. Kamilah yang mengawasi mereka.

فَذَكِّرْ بِٱلْقُرْءَانِ مَن يَخَافُ وَعِيدِ ﴿٤٥﴾

"Oleh itu, berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada siapa yang takut kepada amaran-Ku."(45)

Amaran Al-Qur'an amat menggoncangkan hati. Tiada hati yang sedar dan takut kepada Allah yang sanggup menghadapi hakikat yang dikemukakannya dengan cara yang amat menarik ini.

Apabila surah yang seperti ini dikemukakan, maka ia tidak memerlukan kepada seorang yang gagah yang boleh memaksakan manusia dengan mematahkan leher mereka supaya beriman, kerana surah ini sendiri mempunyai kekuatan dan pengaruh yang tidak ada pada orang-orang yang gagah perkasa itu, malah kekuatannya lebih kuat dari kekuatan cemeti-cemeti mereka.

******